

01/06/1998

Malaysia punyai kelebihan tersendiri

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Pembangunan seimbang di kalangan semua bangsa di Malaysia menjadi faktor utama yang berjaya mengelakkan rusuhan kaum ketika negara menghadapi tekanan dan kegawatan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap Malaysia memiliki kelebihan tersendiri berbanding negara lain dalam soal hubungan antara kaum.

Perdana Menteri berkata, di negara lain, rusuhan kaum tercetus ketika menghadapi tekanan ekonomi kerana mereka saling menyalahkan kaum yang lain.

"Ini menyebabkan masalah ekonomi semakin bertambah kerana pelabur hilang keyakinan dan melarikan diri.

"Di Malaysia wujud pembangunan seimbang bagi semua kaum, maka rusuhan tidak berlaku. Ini kelebihan kita berbanding negeri lain.

"Mereka tidak ada perhimpunan seperti ini yang mana-mana kaum tidak berasa terancam atau takut berada di kalangan satu sama lain," katanya berucap pada majlis kempen 'Menyemarakkan Semangat Cintai Malaysia' anjuran MCA di Dataran Merdeka, malam ini.

Turut hadir di majlis yang disertai kira-kira 20,000 rakyat Malaysia berbilang kaum itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan pemimpin tertinggi parti itu.

Majlis itu turut diserikan oleh beberapa artis terkenal seperti bintang filem 'James Bond', Michelle Yeoh dan penyanyi terkenal tanah air, Siti Nurhaliza.

Perdana Menteri juga menganggap sensitiviti antara kaum banyak membantu memantapkan perpaduan rakyat, sekali gus mengukuhkan kerjasama menghadapi masalah ekonomi.

"Contohnya, kita melihat bagaimana majlis ini dihentikan seketika selama lima hingga enam minit bagi menghormati masuk waktu sembahyang (Isyak) meskipun majlis ini dianjurkan oleh MCA," katanya.

Perdana Menteri juga berharap supaya media asing yang sering melaporkan kononnya wujud ketegangan antara kaum di negara ini supaya menyiarkan gambaran sebenar perhimpunan antara kaum malam itu yang membuktikan perpaduan rakyat negara ini.

Selain itu, Dr Mahathir juga meminta rakyat Malaysia membuktikan pada dunia bahawa mereka mencintai Malaysia dengan membeli barangan buatan Malaysia.

"Ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia sanggup berkorban demi untuk membantu mengukuhkan ekonomi negara," katanya sambil melahirkan keyakinan bahawa Wawasan 2020 akan mampu dicapai jika rakyat Malaysia komited dalam perjuangan itu.

Katanya, barangan buatan Malaysia kini bukan lagi dianggap barangan tidak bermutu, malah ia tergolong barangan 'kelas dunia'.

(END)